

MAS diarah adakan khidmat ke bandar2 kecil kita

Oleh NASHRULADIN A. RAHMAN

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan telah mengarahkan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan perkhidmatan penerbangan ke bandar-bandar kecil di Semenanjung Malaysia, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bandar-bandar tersebut termasuk Taiping, Sitiawan, Temerloh, Dungun, Segamat, Mersing dan Pulau Tioman.

Katanya, untuk memulakan perkhidmatan tersebut, MAS akan menggunakan dua buah dari empat pesawat jenis BN2 yang sekarang ini masih digunakan di Sabah dan Sarawak.

Berucap di upacara menepung tawar Airbus MAS yang pertama di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, memandangkan keteguhan kewangan MAS, perkhidmatan itu akan dapat dijalankan tanpa memerlukan subsidi dari Kerajaan.

Katanya, walaupun perkhidmatan seperti itu tidak menguntungkan tetapi ia akan dapat menyediakan kemudahan penerbangan di kawasan bandar-bandar kecil terutamanya para penumpang yang hendak menyambung penerbangan ke bandar-bandar besar.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan pembelian tiga buah pesawat 'Airbus' tersebut yang menelan belanja \$280 juta ialah untuk menggantikan ketiga-tiga pesawat Boeng 707.

Katanya, dua buah lagi 'Airbus' MAS akan tiba bulan depan dan akan memulakan perkhidmatannya Januari.

"Pesawat-pesawat 'Airbus' ini telah dipilih bukan sahaja boleh memuatkan lebih ramai penumpang bahkan perbelanjaan mengenai perbelanjaan pun lebih rendah," tegas Datuk Seri Dr. Mahathir lagi.

Diganti

Kapalterbang jenis berkipas Fokker Friendship akan digantikan oleh pesawat-pesawat jet menjelang tahun-tahun lapanpuluhan, tambah beliau.

Bagaimanapun, tegasnya, prestasi penggantian itu bergantung kepada faktor-faktor penting termasuk pembesaran lapanganterbang dalam negeri supaya boleh menerima pesawat-pesawat jenis jet.

Katanya, sebelum tibanya Airbus tersebut, alatan udara MAS mengandungi dua buah pesawat DC-10, tiga buah B707, sembilan buah F27 dan empat buah BN2.

"Dari segi destinasi pula MAS telah berkembang dengan memuaskan. Dalam tahun 1972 iaitu tahun permulaannya, perkhidmatan MAS mendarat di 40 buah tempat sahaja, dalam dan luar negeri dan hari ini penerbangannya meliputi 55 destinasi dalam tiga benua Asia, Australia dan Eropah, tegasnya.

Katanya, beberapa bulan lagi MAS akan menambahkan destinasi

baru dalam usaha mengibarkan bendera Malaysia ke negara-negara di Timur Tengah dan Eropah.

"Dengan ini juga maka MAS akan menambah perkhidmatan ke London dari dua kepada empat kali seminggu menjelang bulan April tahun depan dan matlamat MAS ialah untuk menambah perkhidmatannya ke London kepada sekali sehari menjelang tahun 1985," tambah Datuk Seri Dr. Mahathir.

Beliau juga menggesa MAS menggunakan 'Airbus' untuk mengadakan perkhidmatan antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

Memandangkan kejayaan yang telah tercapai bagi menurunkan tambang kapalterbang sehingga 38 peratus antara negara-negara ASEAN dengan Australia, beliau berharap pihak MAS akan membuat kajian mengadakan tambang murah atas perinsip yang sama antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia